

STRUKTUR PUISI RAMBAN DALAM BUKU *LEKA MAIN IBAN* BERDASARKAN PERSPEKTIF TEORI STRUKTURALISME

THE STRUCTURE OF RAMBAN'S POEM IN THE BOOK OF *LEKA MAIN IBAN* BASED ON THE
PERSPECTIVE OF STRUCTURALISM THEORY

Nelson Kubu EMPAJANG*¹

Rohayati JUNAIIDI²

Saripah BANSENG³

^{1,2,3}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

*¹neilsonkubu@gmail.com

²rohayati@fk.upsi.edu.my

³bsaripah@fbk.upsi.edu.my

Corresponding author*

Received: 21st August 2024

Accepted: 16th October 2024

ABSTRAK

Masyarakat Iban amat unik dan kaya dengan sastera, adat resam dan kebudayaan yang diwarisi turun-temurun. Namun demikian, kesukaran memahami sastera lisan, iaitu *ramban* dalam kalangan masyarakat Iban memberi impak yang negatif dalam mengekalkan tradisi lisan ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis struktur sepuluh buah puisi *ramban* yang dipilih dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald (1993). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan mengaplikasikan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983). Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis teks untuk menganalisis kandungan teks puisi *ramban* dengan memfokuskan aspek struktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi-puisi *ramban* mempunyai unsur gaya bahasa yang merangkumi elemen hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Unsur bait yang membentuk puisi-puisi *ramban* dengan memiliki elemen prolog, isi, epilog, paralelisme dan terdiri daripada 7 sehingga 32 baris ayat dan kesemua memiliki antara 3 hingga 11 patah perkataan. Dari aspek prosodi, puisi-puisi *ramban* memberi penekanan kepada keindahan rentak dan irama kerana distrukturkan oleh jeda, rima, disfemisme dan emotif. Kesimpulannya, puisi *ramban* merupakan puisi lisan yang berbentuk hiburan yang dinyanyikan pada waktu senang serta pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira, cinta, keluh-kesah dan rintihan. Implikasinya, kajian ini akan menambahkan lagi korpus sastera masyarakat Iban dan menjadi medium untuk mempromosikan puisi lisan masyarakat Iban ke seluruh dunia. Maka, kajian berkaitan struktur puisi *ramban* perlu diperkembangkan lagi dari aspek amalan atau gaya persembahan puisi *ramban*.

Kata kunci: struktur; puisi ramban; *Leka Main Asal Iban*; teori strukturalisme; masyarakat Iban

ABSTRACT

The Iban community is unique and rich in literature, customs, and culture that are passed down through generations. However, the difficulty in understanding oral literature, which is *ramban* among the Iban community has a negative impact on maintaining the oral tradition. Therefore, this study was conducted to analyze the structure often selected *ramban* poems in the book “*Leka Main Asal Iban*” by Jimmy Donald (1993). This study uses content analysis method applying the Structuralism Theory by Ferdinand de Saussure (1983). This study is qualitative in nature and uses the text analysis method to analyze the content of *ramban* poems by focusing on the structural aspect. The findings show that *ramban* poems have stylistic elements including hyperbole, assonance, alliteration, metonymy, anaphora, synecdoche, satire, cynicism, syncopation, simile, homoioteleuton, connotation, denotation, free imagery, collocation, and polysyndeton. The lines that make up *ramban* poems consist of elements like prologue, content, epilogue, parallelism, with between 7 to 32 lines and each line containing 3 to 11 words. From a prosodic aspect, *ramban* poems emphasize the beauty of rhythm and melody structured by pauses, rhymes, disphemism, and emotion. In conclusion, *ramban* poems are oral poetry that serves as entertainment sung during happy times and festive occasions to praise, motivate, express joy and love, as well as grievances and lamentations. The implication is that this study will add to the Iban community’s literary corpus and serve as a medium to promote oral poetry to the world. Therefore, the study related to the structure of *ramban* poem needs to be further developed from the aspect of the practice or performance style of *ramban* poem.

Keywords: *structure; ramban poems; Leka Main Asal Iban; structuralism theory; Iban community*

Pengenalan

Tradisi lisan merujuk kepada segala bentuk warisan dan tradisi yang lahir dalam sesuatu kelompok masyarakat seperti cerita rakyat, puisi rakyat, drama rakyat dan permainan tradisional. Segala bentuk warisan tersebut dibina oleh persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan masyarakat. Tradisi lisan dihasilkan oleh masyarakat dan disebar dari satu generasi ke satu generasi secara lisan. Patricia Ganing & Asmiaty Amat (2021), menjelaskan sastera lisan dihasilkan oleh masyarakat yang masih mengamalkan sistem sosial yang terikat dengan semangat kerjasama, kolektif dan masyarakat yang masih statik serta tidak mempunyai banyak hubungan dengan masyarakat luar. Setiap masyarakat di dunia memiliki sastera lisan yang menjadi warisan dan keunikan masing-masing.

Masyarakat Iban unik dan kaya dengan sastera, adat resam dan kebudayaan yang diwarisi turun-temurun. Antaranya ialah puisi masyarakat Iban yang tersebar melalui lisan dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Puisi masyarakat Iban di Sarawak disebut sebagai *leka main*. Bruggeman (1985), menyatakan *leka* maksudnya 'benih' tetapi ia juga bererti 'perkataan', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. *Main* pula merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan ritual dan hiburan. Oleh yang demikian, *leka main* ialah satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri.

Selain itu, *leka main* masyarakat Iban merupakan puisi perkataan yang lahir pada awal peradaban masyarakat Iban. Chemaline (2006), menjelaskan bahawa *leka main* adalah satu bentuk kesusasteraan yang berkembang luas secara dinamik dan mapan. Pemikiran dalam *leka main* mencerminkan cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban, iaitu memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat. Melalui *leka main*, dapat dinilai atau diketahui corak pemikiran, pandangan hidup, kisah lampau, susun lapis masyarakat dan kepercayaan masyarakat Iban.

Leka main masyarakat Iban dapat dilihat dalam salah satu puisi masyarakat Iban yang dikenali sebagai *ramban*. *Ramban* ialah satu jenis puisi masyarakat Iban yang masih terkenal sehingga kini. *Ramban* merupakan puisi tradisional masyarakat Iban dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja. Jimmy (1993), menjelaskan *ramban* dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira, cinta, keluh-kesah dan rintihan.

Oleh itu, *leka main* amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian kerana ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka. Justeru, kajian ini menganalisis aspek struktur puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dengan menggunakan Teori Strukturalisme Ferdinand de Saussure (1983).

Sorotan Literatur

Di Sarawak, kajian tradisi lisan bermula pada abad ke-19 oleh para sarjana Eropah. Chemaline (2006) dalam kajiannya yang bertajuk *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi* telah menganalisis puisi masyarakat Iban yang dikenali sebagai *leka main*. Kajian yang dilakukan mempunyai dua tujuan utama, iaitu yang pertama menganalisis bentuk, stail dan struktur *leka main* serta yang kedua mengkaji fungsinya dalam masyarakat Iban dan mengkategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berbeza. Selain menganalisis bentuk, stail dan struktur, kajian juga mengkaji beberapa aspek persembahan *leka main* termasuk audiens, mod dan gaya persembahan, peralatan muzik dan peralatan lain yang berkaitan. Penjelasan *leka main ramban* yang berfungsi sebagai kestabilan sosial

dan emosi dapat memberi pengetahuan serba sedikit mengenai tema, struktur dan fungsi *leka main ramban* dalam masyarakat Iban.

Nelson (2017), dalam kajiannya yang bertajuk *Struktur dan Pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan* hasil ciptaan Mendiang Duning anak Gunggu sekitar tahun 1954. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur dan menerangkan tema *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Kajian ini bersandarkan Teori strukturalisme untuk mengupas struktur dan tema *Pelandai Bulan*. Teori pragmatisme telah digunakan untuk menjelaskan fungsi puisi *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Kajian mendapati bahawa *Pelandai Bulan* memiliki struktur yang bercirikan karya sastera. Ia memiliki tema yang berfokuskan kepada proses rutin penanaman padi tahunan dalam masyarakat Iban. *Pelandai Bulan* berfungsi sebagai panduan ritual dan peringatan kepada masyarakat Iban dalam mengerjakan huma. Oleh itu, kajian ini dapat membantu kajian yang akan dilakukan bagi meneliti puisi Iban dan sebagai rujukan tambahan kerana wujudnya persamaan dari aspek teori dalam menganalisis tema, struktur serta fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian Ngabong (2021) yang bertajuk *Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung* telah menganalisis bentuk puisi *timbang jalung* yang dinyanyikan oleh sekumpulan *lemambang* dalam upacara *gawai antu*. Teori strukturalisme digunakan untuk menganalisis bentuk puisi dan dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi *timbang jalung* distrukturkan oleh baris dan rangkap. Justeru, kajian ini dapat membantu untuk meneliti teori strukturalisme yang digunakan kerana wujudnya persamaan dalam menganalisis struktur *ramban*. Kajian ini turut dimanfaatkan dari aspek dapatan kajian yang mana struktur puisi *timbang jalung* dan puisi *ramban* distrukturkan oleh baris dan rangkap.

Selain itu, Abang Sallehuddin & Hashim Ismail (2017) turut menjalankan kajian mengenai *Tukang Ensera: Seni Tradisi Berdepan Cabaran Modenisasi* yang mengangkat tema perjuangan jati diri bangsa dalam konteks budaya masyarakat Iban. *Ensera* merupakan puisi epik tradisional yang meriwayatkan keperwiraan dan perjuangan wira-wira dari suku kaum Iban yang amat panjang. *Ensera* sebagaimana puisi *ramban*, turut berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkannya daripada pupus akibat tiadanya minat untuk mewarisi seni tradisi ini dalam kalangan generasi baharu dan juga persaingan daripada budaya popular yang jauh lebih menyeronokkan yang hadir secara agresif dengan teknologi moden. Kajian ini dimanfaatkan bagaimana puisi lisan harus dipelihara dalam menghadapi ancaman globalisasi.

Masyarakat Iban khasnya generasi muda kurang jelas tentang maksud setiap perkataan atau imej yang digunakan dalam puisi lisan. Kajian yang dijalankan oleh Laura Seman (2020), iaitu *Imej Arketaip dalam Puisi Sabak* telah memperlihatkan puisi lisan kategori invokasi ini sangat unik dan memiliki pelbagai imej arketaip. Walaupun kajian ini tidak berfokuskan kepada tema, struktur dan fungsi yang mendasari puisi *sabak* namun imej arketaip yang terdapat dalam puisi *ramban* wujud kerana pelbagai lambang dan simbol boleh menjadi imej arketaip seperti pengalaman manusia, watak penyampai puisi, pakaian, makanan dan haiwan.

Hasil sorotan terhadap kajian-kajian berkaitan puisi lisan masyarakat Iban didapati hanya sebuah kajian yang meneliti secara umum tentang puisi *ramban*, iaitu kajian Chemaline (2006). Oleh yang demikian, kajian ini melihat wujudnya satu kelompangan kerana masih belum diteliti serta dikaji secara lebih mendalam mengenai puisi *ramban* dengan memberi penekanan analisis struktur puisi *ramban* dalam masyarakat Iban. Penggunaan teori strukturalisme dalam kajian Nelson (2017) dan teori pragmatisme oleh Ngabong (2021) dalam menganalisis puisi lisan masyarakat Iban jelas menunjukkan kajian mengenai puisi *ramban* harus dilaksanakan dari aspek pemanfaatan teori. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa kajian analisis struktur puisi *ramban* dengan mengaplikasikan teori haruslah

dilaksanakan dengan giat agar impak karya-karya sastera dapat dimanfaatkan masyarakat Iban serta memperkaya korpus kajian sastera Iban di negara ini khususnya.

Metodologi Kajian

Jadual 1


Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian	Kaedah penyelidikan	Kaedah pengumpulan data	Instrumen
Kajian teks	Kualitatif	Analisis teks	Buku <i>Leka Main Asal Iban</i>

Jadual 1 menunjukkan reka bentuk kajian. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian teks. Kajian teks digunakan untuk menganalisis kandungan teks puisi-puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban* dengan memfokuskan aspek struktur. Kaedah pengumpulan data yang menggunakan analisis teks melalui proses seperti data-data dalam teks dikenal pasti, dibaca dan disisihkan sebelum dianalisis secara terperinci.

Rajah 1

Kerangka Teori Kajian



Penggunaan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) dalam kajian ini dapat dilihat dalam Rajah 1. Dalam konteks kajian, puisi yang dikaji adalah gabungan kata-kata atau perkataan dalam bahasa Iban yang digunakan untuk membentuk puisi *ramban*. Kajian ini mengupas keseluruhan struktur puisi *ramban* dari aspek gaya bahasa, bait dan prosodi. Terdapat enam prinsip yang ditekankan dalam teori strukturalisme untuk memahami makna dan menganalisis puisi-puisi *ramban*. Prinsip pertama, iaitu keseluruhan yang mana strukturalisme menekankan keseluruhan unsur kerana menganggap sastera sebagai suatu sistem atau struktur yang memiliki konvensi dan tradisi sendiri. Prinsip kedua, iaitu perkaitan yang mana pendekatan ini melihat karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Prinsip ketiga, iaitu regulasi diri yang mana teks mementingkan aturan-aturan kesusasteraan, corak serta peralatan yang menyebabkan terbentuk dan keseluruhan sistem terlaksana. Seterusnya, prinsip transformasi yang mana ahli-ahli strukturalisme tidak percaya kepada hukum sebab-akibat dan mereka hanya percaya kepada hukum perubahan

bentuk. Prinsip kelima, iaitu analisis sinkronik yang mana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan. Prinsip keenam, iaitu desentralisasi perkara yang menekankan unsur-unsur sejarah, pengarang dan pembaca diketepikan kerana berfokuskan kepada unsur-unsur dalam teks.

Dapatan dan Perbincangan

Elemen Gaya Bahasa dalam Puisi Ramban

Struktur puisi *ramban* dibentuk oleh elemen gaya bahasa seperti hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Seterusnya, dari aspek bait distrukturkan oleh elemen seperti prolog, isi, epilog, paralelisme, rangkap, jumlah perkataan dan suku kata. Manakala dari aspek prosodi, puisi *ramban* menekankan aspek rima, jeda, disfemisme, eufemisme dan emotif.

Jadual 2

Elemen Gaya Bahasa Simplok dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<i>Kajang kunda wa,</i> <i>Kajang kunda wa,</i>
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tangan Sekula</i>	<i>Kajang kunda wu,</i> <i>Kajang kunda wu</i>
<i>Ramban Indu Dara Ringat Engai Ngibun Indai</i>	<i>Barang... kunda uji tusah,</i> <i>Barang kunda uji tusah.</i>
<i>Ramban Naganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	<i>Dulu dih kunda aie,</i> <i>Endai dulu... dek kunda aie,</i>
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	<i>Lalang kunda wa,</i> <i>Aih... Lalang kunda wa.</i>
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Takang ga enda wa,</i> <i>Endai takang da enda wa.</i>
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<i>Sungai dek kunda wa,</i> <i>Aih sungai dek kunda wa.</i>
<i>Ramban Indu Serabana Ditingalka Lelaki</i>	<i>Kajang kunda wa,</i> <i>Aih, kajang kunda wa.</i>
<i>Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta</i>	<i>Ngajat ... aku enda jaga,</i> <i>Aih ngajat kunda jaga.</i>

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis elemen gaya bahasa simplok yang ditemui dalam sembilan buah puisi *ramban*. Elemen simplok menekankan pengulangan kata pada awal dan akhir beberapa baris berturut-turut. Dalam konteks ini, pengulangan kata yang digunakan berulang-ulang bertujuan supaya orang ramai atau pendengar memberi perhatian semasa *ramban* ini didengarkan. Dalam puisi *ramban*, elemen simplok dapat diteliti dalam baris pertama dan kedua yang berperanan sebagai permulaan pelafazan *ramban*.

Penggunaan elemen simplok yang dominan dalam puisi-*ramban*, iaitu *kajang kunda wa*, *kajang kunda wa*. Pengulangan gaya bahasa simplok ini dapat menggambarkan kronologi peristiwa yang dipaparkan pada awal dan akhir baris berturut-turut. Elemen simplok dapat menimbulkan kesan

rima yang harmoni dan turutan peristiwa dapat disampaikan dengan jayanya berdasarkan aturan kata yang diolah dengan bijak oleh penyair. Ini merujuk kepada prinsip analisis sinkronik dalam teori strukturalisme (1983) yang menyatakan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 3

Elemen Gaya Bahasa Polysyndeton dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban		Struktur
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<i>Nyangka bisi utai <u>ga</u> deka digaga kita, Enti mega bisi, anang malu <u>ga</u> nuan nanya, Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, <u>ga</u> aku enda,</i>	Mungkin ada sesuatu yang ingin dilakukan oleh kalian semua, Kalau ada, jangan malu bertanya, Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Takang <u>ga</u> enda wa, Takang <u>ga</u> sa indai,</i>	<i>Takang ga enda wa, Takang ga sa indai,</i>
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	<i>Ninga <u>ga</u> kita laki, Lauk nadai, <u>ga</u> nadai apai ngiga.</i>	Dengarlah kalian yang lelaki, Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
<i>Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta</i>	<i>Lain aih patisin sida dara <u>ga</u> maya dia. Mulut Jawai <u>da</u> enselup, Manah agi pentik <u>da</u> tisi jalai.. Ngajat <u>ma</u> sida indai</i>	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang. Mulut Jawai bergincu, Cantik lagi patung kecil di tepi jalan... Menarilah kalian ibu
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<i>Ngema sintung, endai nyandik <u>ga</u> anak raga? Enti aku datai, endai, iya <u>ga</u> tentu ka." Endai, kami <u>ga</u> ngiga manuk ke Gawai Dayak,</i>	Membawa sintung, eh menyandang lagi raga? Kalau aku datang, eh, tentu dia nak." Eh, kami mencari ayam untuk perayaan Gawai Dayak,

Jadual 3 menunjukkan elemen gaya bahasa *polysyndeton* yang terdapat dalam lima buah puisi *ramban*. Elemen *polysyndeton* menekankan penggunaan partikel yang berulang-ulang untuk menerbitkan keindahan bahasa atau kepuitisan. Elemen *polysyndeton* yang dapat dikesan dalam puisi *ramban* ini dengan menyelitkan partikel 'ga', 'da' dan 'ma'. Kata partikel 'ga', 'da' dan 'ma' dalam konteks ayat-ayat ini tidak diperlukan dan boleh digugurkan, namun untuk keindahan irama dan rentak diselitkan oleh penyair.

Kata partikel 'ga' yang terdapat dalam *Ramban Nanyaka Pejalai* menunjukkan pengulangan bagi mewujudkan keindahan irama dan rentak dalam puisi *ramban*. Dalam erti kata lain, partikel 'ga' ini memberi penegasan pada bahagian tertentu dalam petikan ayat puisi *ramban*. Ini merujuk kepada prinsip transformasi dalam teori strukturalisme yang lebih mementingkan hukum perubahan bentuk berbanding hukum sebab-akibat.

Jadual 4*Elemen Gaya Bahasa Anafora dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur	
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<i>Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,</i> <i>Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,</i>	Kalau ada, jangan malu bertanya, Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	<i>Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,</i> <i>Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,</i> <i>Dinga bala kita ti tangan besekula,</i>	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal, Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan, Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
<i>Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai</i>	<i>Enti dek Keling Jamu kitu,</i> <i>Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!</i> <i>Enti sema dek Jamu kitu,</i> <i>Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,</i>	Kalau kamu Jamu datang, Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah! Kalau kamu Jamu datang, Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
<i>Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	<i>Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;</i> <i>Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;</i>	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang, Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Anang ngeduan kami aja dek Renggan,</i> <i>Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,</i>	Jangan mengajuk kami Renggan, Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	<i>Enti bekuli anang lama.</i> <i>Enti embih sain,</i> <i>Kita badu minta.</i> <i>Kita lelaki nyamai mati,</i>	Kalau bekerja jangan terlalu lama. Kalau habis kontrak, Kalian berhentilah kerja. Kalian lelaki terlalu senang,
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<i>Enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja;</i> <i>Enti kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!</i>	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada; Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!

Jadual 4 menunjukkan elemen anafora yang ditemui dalam puisi-*ramban*. Unsur anafora merupakan repetisi yang berupa pengulangan kata pertama pada setiap baris. Ini menjadikan puisi-*ramban* ini mempunyai keindahan rentak dan puitis apabila dinyanyikan. Ferdinand de Saussure (1983) menyatakan bahawa elemen anafora ialah jenis gaya bahasa pengulangan bagi menegaskan maksud yang disampaikan melalui pengulangan kata atau kalimat dalam sesuatu kata.

Penggunaan elemen anafora yang kerap digunakan oleh penyair, iaitu *enti* (jika), *dinga* (dengarlah), *anang* (jangan) dan *kita* (kalian). Penggunaan elemen anafora yang berturutan ini menimbulkan penegasan maksud dan memberikan keindahan irama dalam puisi *ramban*. Penegasan

ini mengingatkan pendengar untuk memberi perhatian apa yang disampaikan oleh penyair. Oleh itu, prinsip perkaitan dalam teori strukturalisme yang menjelaskan pendekatan ini melihat karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain dan memberikan keindahan irama dalam puisi *ramban*.

Jadual 5

Elemen Gaya Bahasa Asonansi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<i>Nama pejalai seduai mega</i> Apa tujuan perjalanan kalian <i>Tuntung, Pungga?</i> Tuntung, Pungga? <i>Enti mega bisi, anang malu dek</i> Kalau ada, jangan malu <i>nanya,</i> bertanya, <i>Nyangka bisi utai ga deka</i> Mungkin ada sesuatu yang ingin <i>digaga kita,</i> dilakukan oleh kalian semua,
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	<i>Enti orang agi bisi nundi, diau</i> Kalau ada orang yang <i>diri, anang mega dek sinu,</i> mengganggu, kawal diri, tapi <i>Enti orang lelaki ngirum surat,</i> jangan bersedih, <i>Bacha jampat lalu terus tunu,</i> Kalau ada lelaki yang mengirim surat, Baca cepat dan terus bakar,
<i>Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	<i>Rambau ga nadai bedau, endai</i> Sebaya masih belum, yang lain <i>sida udah belaki magang</i> sudah bersuami semua; <i>Nyampau penusah meda bala</i> <i>diri serumah</i> Cukup susah melihat rakan <i>Sida Renggan udah ga nyadi</i> serumah, <i>apai orang</i> Renggan pula sudah menjadi bapa,
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Ngumbai diri deka berandau</i> Beranggapan ingin berbincang <i>enggau sida apai</i> dengan bapa, <i>Nganti dek ila Janggi mandi</i> Menunggu kamu nanti Janggi mandi, <i>Kati ke aku mali enda bejaku</i> Bagaimana aku tidak bersuara <i>munyi tu</i> sedemikian,
<i>Ramban Indu Serabana Ditingalka Lelaki</i>	<i>Kami indu ti ditu,</i> Kami kaum perempuan yang di sini, <i>Gaji diberi kumpani,</i> Gaji diberi syarikat, <i>Aih, apai sida nadai ngema.</i> Aih, bapa kalian tiada menggendong.
<i>Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta</i>	<i>Endai, mua Jawai udu dipuda,</i> Endai, muka Jawai terlalu <i>Guntin pandak endai, nunda</i> dibedak, <i>kera rasung Belanda,</i> Digunting pendek, seperti kera Belanda, <i>Kenaka baju tusu, baju jarang</i> <i>enda temu gaya</i> Dipakaikan baju dalam, baju <i>Pejalai kuit-kuit enda temu</i> seksi tiada rupa <i>tunga,</i> Berjalan seperti tiada arah tuju,

Jadual 5 menunjukkan elemen asonansi yang terdapat dalam puisi-*ramban*. Elemen asonansi merujuk kepada pengulangan bunyi vokal dalam sesuatu baris puisi dan pengulangan bunyi vokal yang dominan dalam puisi-*ramban*, iaitu 'a', 'e', 'i' dan 'u'. Perulangan bunyi vokal ini menimbulkan kesan kehalusan, kelembutan, kemerduan dan keindahan bunyi. Contohnya, pengulangan bunyi vokal 'a' dalam baris puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* seperti *Nama pejalai seduai*

mega Tuntung, Pungga? ini mewujudkan kesan keindahan bunyi apabila disampaikan oleh penyair. Penggunaan elemen ini menekan prinsip perkaitan, iaitu sesebuah karya sastera harus saling berkait antara satu sama lain seperti pengulangan bunyi vokal yang sama pada perkataan yang berurutan dalam baris-baris puisi.

Jadual 6

Elemen Gaya Bahasa Aliterasi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<i>Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,</i>	Kalau ada, jangan malu bertanya,
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	<i>Endur kita anak ngalika sida Singgai</i>	Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.
<i>Ramban Lelaki Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	<i>Ila aku mayar tunggu ukum adat butang Anang mih Jang dek kakang</i>	Nanti aku bayar denda hukum berzina; Usahlah Jang ragu-ragu,
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Ngejang penyambang kaki tangga ila</i>	Menuruni kaki tangga nanti,
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	<i>Dini nya alah tunda kita, Anak bekeriak nyabak,</i>	Memang sentiasa ada untuk kalian,
<i>Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta</i>	<i>Pasukka tanchut bangat sendat,</i>	Anak menangis teresak-esak, Dipakaikan seluar terlalu ketat,
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<i>Kenaka kasut tinggi, Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga? Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,</i>	Dipakaikan kasut tinggi, Membawa sintung, eh menyandang lagi raga? Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap,

Jadual 6 menunjukkan elemen aliterasi yang terdapat dalam puisi-*ramban*. Aliterasi ialah pengulangan bunyi konsonan yang sama dalam baris-baris puisi dan pengulangan bunyi konsonan yang dominan dalam puisi-*ramban*, iaitu 'n', 'k', 't' dan 'g'. Penyair menggunakan unsur aliterasi bagi mewujudkan kepelbagaian dan keindahan bunyi di dalam puisinya. Tambahan itu, menerapkan elemen perulangan bunyi konsonan mengindahkan setiap bait kata-kata apabila dinyanyikan. Contohnya, dalam baris puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* seperti *Anak bekeriak nyabak* yang menunjukkan pengulangan bunyi konsonan 'k'. Oleh itu, penyair menekankan pengulangan bunyi konsonan yang berurutan dalam satu baris puisi bagi mewujudkan prinsip perkaitan yang berfokuskan kepada saling berkait antara satu sama lain.

Jadual 7*Elemen Gaya Bahasa Simile dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	<i>Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,</i> Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal
<i>Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta</i>	<i>Enda ngelala, mua baka engkeramba, Manah agi pentik da tisi jalai...</i> Tidak mengenali, muka seperti patung, Cantik lagi patung kecil di tepi jalan...
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	<i>Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda, Tang gambar Pungga baka antu kamba</i> Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat, Tetapi muka Pungga seperti hantu

Jadual 7 menunjukkan elemen simile yang ditemui dalam puisi-*ramban*. Elemen simile merujuk kepada membuat perbandingan terus atau kiasan yang membandingkan dua benda yang berbeza. Untuk mewujudkan perbandingan maka kata '*baka*' yang bermaksud seperti, umpama, bak dan bagai bagi membandingkan sesuatu benda, keadaan atau suasana dengan jelas. Elemen simile yang diterapkan dalam puisi-*ramban* menjelaskan penyair menitikberatkan prinsip analisis sinkronik dalam penulisan sesebuah puisi yang mana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 8*Elemen Gaya Bahasa Satira dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	<i>Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,</i> Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	<i>Badu kita endu, badu, Kita ke jai ngemalu kami.</i> Berhentilah kalian gadis, berhenti, Kalian yang nakal memalukan kami,
<i>Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai</i>	<i>Dupah aku deka ngibun dek ila indai, Laban dek nya pala de pe... mangah!</i> Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu, Kerana kamu seorang yang pemarah!

Jadual 8 menunjukkan elemen satira yang terdapat dalam puisi-*ramban*. Penerapan elemen satira dalam sesebuah puisi untuk menyatakan sindiran terhadap suatu keadaan atau seseorang. Elemen satira ini dapat diteliti dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* yang memberi kritikan moral terhadap anak perempuan semasa belajar di dalam kelas supaya fikiran tidak melayang memikirkan perkara lain yang tidak berfaedah. Penerapan elemen satira dalam puisi-*ramban* menjelaskan penyair menekankan prinsip perkaitan, iaitu penggunaan perkataan-perkataan saling berkait antara satu sama lain. Pendekatan perkaitan yang digunakan sebagai medium untuk menyampaikan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu yang menggambarkan sikap masyarakat Iban yang mengambil berat keharmonian dan ketidakcekapan kritikan dan pendapat.

Jadual 9*Elemen Gaya Bahasa Homoioteleuton dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur	
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula</i>	<i>Ari Sematan, nyentuk ke Lawas datai ke Ulu Teru,</i>	Dari Sematan hingga ke Lawas dan sampai ke Ulu Teru,
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Anak tuai suba, Singgai, nadai apai</i> <i>Belubah-lubah mih dek Singgai pulai</i>	Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa. Berhati-hatilah balik Singgai.
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	<i>Anak bekeriak nyabak, Kami ngibun anak udah nadai apai.</i>	Anak menangis teresak-esak, Kami menjaga anak yang tiada bapa.
<i>Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta</i>	<i>Pasukka tanchut sangat sendat,</i> <i>Mansa sida Singgai endai wai kepai</i>	Dipakaikan seluar terlalu ketat, Berselisih dengan Singgai lalu dilambai
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<i>Mansang nanya, aih, kitai wai.”</i> <i>Enggau bejera sida indai Singgai.”</i>	Marilah bertanya, aih, kita semua.” Untuk menyerikkan ibu Singgai.”

Jadual 9 menunjukkan elemen homoioteleuton yang terdapat dalam puisi-*ramban*. Elemen homoioteleuton menekankan persamaan bunyi di hujung perkataan di dalam satu ayat yang disertai rentak. Rangkaian kata yang digunakan penyair dengan menitikberatkan persamaan bunyi mewujudkan keindahan bait bunyi dan rentak pada penghujung perkataan. Penggunaan elemen homoioteleuton dalam puisi-*ramban* ini menekankan prinsip regulasi diri, iaitu teks yang diolah mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkannya terbentuk dan keseluruhan sebuah puisi *ramban* yang unggul. Ini merujuk kepada teks ialah hasil sesuatu struktur yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri.

Seterusnya, Jadual 10 menunjukkan elemen sinisme yang ditemui dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* dan *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Elemen sinisme diselitkan dalam puisi-*ramban* untuk menggambarkan kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan hati. Hal ini dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 10*Elemen Gaya Bahasa Sinisme dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur	
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	<i>Nadai kami indai nadai, Endai sapa, aih, tak nusi?</i>	Tiada kami Ibu tiada, Siapa yang memberitahu?
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	<i>Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.</i> <i>Anang ngeduan kami aja dek Renggan,</i> <i>Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,</i>	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak Jangan mengajuk kami Renggan, Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,

Berdasarkan Jadual 10 memperlihatkan bahawa dalam puisi *Ramban Nганu Orang Indu Ti Salah Pengawa* yang mana anak perempuan menidakkan apa yang diceritakan oleh orang lain kepada orang tuanya mengenai tingkahlaku yang tidak senonoh tersebut. Selain itu, dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lulu Enda Ditanya Ambai Iya* turut menceritakan kaum perempuan yang kurang mempercayai kaum lelaki dengan janji yang tidak ditepati. Oleh itu, kaum perempuan tersebut mengungkapkan kata-kata yang berunsur sinisme, iaitu kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan hati kaum lelaki untuk menerimanya sebagai kekasih hati. Penemuan ini merujuk kepada prinsip transformasi dalam teori strukturalisme, iaitu penyair mengubah struktur atau penulisan teks dengan mewujudkan kepelbagaian gaya bahasa namun masih mementingkan aturan-aturan struktural.

Jadual 11 menunjukkan elemen gaya bahasa kolokasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Nганu Orang Indu Ti Salah Pengawa*, *Ramban Lelaki Nimbai Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* dan *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Elemen kolokasi ini menjelaskan pengulangan kata atau perkataan dalam sesuatu baris. Selain itu, kolokasi diteliti bagi memahami makna sesuatu kata dan makna kolokasi terbentuk daripada gabungan sesuatu kata dengan beberapa kata lain yang melingkunginya. Kolokasi ialah makna sesuatu kata tidak hanya dimiliki oleh kata itu secara sendirian, tetapi turut dipengaruhi oleh perkataan-perkataan lain yang hadir bersama-sama kata tersebut (Ferdinand de Saussure, 1983).

Jadual 11

Elemen Gaya Bahasa Kolokasi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Nганu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	<u>Salam</u> , anak, enda alah <u>salam</u> , Rahsia, anak, tak dapat dirahsiakan,
<i>Ramban Lelaki Nimbai Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	<u>Buai</u> bini tuai dek Singgai <u>buai</u> , Ceraikan isteri tua kamu Singgai ceraikan,
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	<u>Ukai</u> kami endu, <u>ukai</u> "Bukan kami endu, bukan,

Penyair menerapkan elemen kolokasi untuk melibatkan hubungan antara satu kata dengan kata yang lain. Oleh itu, perkara yang penting dalam kolokasi ialah hubungan atau kombinasi kata yang tipikal dan benar-benar wujud dalam sesuatu bahasa. Daripada kombinasi kata ini, sesuatu kata boleh diketahui dan difahami maknanya dengan melihat perkataan yang wujud bersama-samanya. Ini merujuk kepada prinsip perkaitan yang melihat sesebuah karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain.

Jadual 12 menunjukkan elemen gaya bahasa citra bebas dalam puisi *Ramban Nганu Orang Indu Ti Salah Pengawa*. Citra merupakan perlambangan yang digunakan dalam pengertiannya yang luas merujuk kepada penggunaan sesuatu perkataan untuk membawa makna yang lebih daripada maknanya yang biasa. Dalam puisi *ramban* ini, penyair memasukkan citra bebas sebagai pengias serta berupaya menerbitkan makna yang berbeza-beza menurut tafsiran pendengar dan ini boleh diteladani manusia. Dalam puisi *Ramban Nганu Orang Indu Ti Salah Pengawa* turut memuatkan elemen citra bebas yang mana ungkapan terdedah kepada ambiguiti, iaitu ketaksaan makna dan bergantung kepada kepelbagaian tafsiran oleh pendengar.

Jadual 12*Elemen Gaya Bahasa Citra Bebas dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	Di pasar basah berjual babi, Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.
<i>Sebelah market babi, Endur kita anak ngalika sida Singgai.</i>	

Penggunaan citra bebas jelas menekankan prinsip analisis sinkronik yang mana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami oleh pendengar melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 13*Elemen Gaya Bahasa Hiperbola dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	Tetapi muka Pungga seperti hantu
<i>Tang ambar Pungga baka antu kamba</i>	

Jadual 13 menunjukkan elemen hiperbola dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki*. Elemen hiperbola digunakan oleh penyair untuk menjelaskan pernyataan yang dibuat secara berlebihan dalam usaha menekankan sesuatu pandangan, idea atau peristiwa. Ini dapat diteliti dalam petikan “*tang gambar Pungga baka antu kamba*”. Dalam teks *ramban* ini, kaum perempuan menggambarkan fesyen kaum lelaki sangat buruk seperti jelmaan hantu. Justeru, elemen hiperbola yang diterapkan oleh penyair menekankan prinsip analisis sinkronik, iaitu perkataan-perkataan yang digunakan dalam teks saling berhubung untuk memahami makna sebenar walaupun digunakan secara berlebihan.

Jadual 14 menunjukkan elemen gaya bahasa konotasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbai Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, Ramban Mejah Pisin Lelaki* dan *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. Konotasi merujuk asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat. Contohnya, dalam petikan “*Aku nguji berumpang kita apai orang*” mempunyai elemen konotasi melalui perkataan ‘*berumpang*’ yang membawa pelbagai maksud. Ini terpulang kepada pembaca dan pendengar untuk mentafsir. Dari sudut literal ‘*berumpang*’ boleh disamakan dengan perbuatan membuka atau meruntuhkan, tetapi dalam konteks puisi ini ia membawa pengertian menggoda atau dalam erti kata lain merosakkan hubungan orang lain.

Jadual 14*Elemen Gaya Bahasa Konotasi dalam Puisi Ramban*

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Lelaki Nimbai Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	Aku cuba menggoda kalian yang bapa orang.
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	Tidak dapat makanan!
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	Kalian lelaki terlalu senang,
<i>Aku nguji berumpang kita apai orang.</i>	
<i>Enda ampit pemakai! Kita lelaki nyamai mati</i>	

Ringkasnya, elemen konotasi dalam puisi-*ramban* menjelaskan prinsip analisis sinkronik diperlukan kerana pendekatan ini dapat membawa pendengar menumpukan perhatian kepada perkataan-perkataan di dalam teks yang mengandungi isi tersurat kerana saling berhubung antara satu sama lain serta memerlukan kebijaksanaan pendengar memahami maksud melalui aturan kesusasteraan.

Jadual 15 menunjukkan elemen gaya bahasa responsi yang terdapat dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Gaya bahasa responsi yang menekankan perulangan kata atau frasa di tengah-tengah baris berurutan. Ungkapan “*Anang ngeduan kami aja dek Renggan*” dan “*Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga*” jelas menunjukkan elemen responsi. Perulangan kata ‘*kami*’ di tengah-tengah baris memberi penegasan oleh penyair kepada pendengar.

Jadual 15

Elemen Gaya Bahasa Responsi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	Jangan mengajuk kami Renggan, Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,
<i>Anang ngeduan <u>kami</u> aja dek Renggan,</i> <i>Anang bejera <u>kami</u> aja dek Bujang Pungga,</i>	

Penerapan elemen responsi jelas menekankan prinsip regulasi diri, iaitu teks mementingkan aturan-aturan kesusasteraan, corak serta peralatan yang menyebabkannya terbentuk dan keseluruhan sistem terlaksana. Oleh itu, penyair menitikberatkan cara penyampaian dengan meluahkan buah fikiran mereka mengikut pengetahuan penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat untuk menimbulkan seni dalam hasil karya kesusasteraan, secara tidak langsung akan dapat memikat dan seterusnya menarik pendengar memahami apa yang ingin disampaikan.

Jadual 16 menunjukkan elemen gaya bahasa sinkop yang terdapat dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Sinkop merupakan pemendekan sesuatu kata dengan menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dari tengah-tengah kata itu. Elemen sinkop ini kerap digunakan oleh penyair untuk mengindahkan rentak dan rima dalam puisi.

Jadual 16

Elemen Gaya Bahasa Sinkop dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada;
<i>Enti kita ngiga uduk, <u>engkami</u> nadai, endai siku aja</i>	

Penyair menggunakan unsur sinkop, iaitu penyingkiran kata dengan menghilangkan huruf atau suku kata seperti dalam ungkapan “*enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja*”. Perkataan ‘*engkami*’ dalam baris tersebut adalah singkatan daripada perkataan ‘*enggi kami*’ yang bermaksud kepunyaan kami. Dalam baris ini ia disingkatkan untuk menghasilkan rentak puisi. Penerapan elemen sinkop dalam puisi membawa kepada perubahan bentuk yang menekankan prinsip transformasi dalam sesebuah karya.

Jadual 17 menunjukkan elemen denotasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Indu Dara Asa Ngapa* dan *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Elemen denotasi adalah makna eksplisit sesuatu perkataan atau pemberian makna yang tepat atau tiada makna lain bagi sesuatu kata itu. Elemen denotasi ini dikenalpasti dalam dua buah puisi *ramban* yang menggunakan perkataan ‘*mata*’. Dalam puisi *Ramban Indu Dara Asa Ngapa*, perkataan ‘*mata*’ dalam petikan “*enahka*

makai, endai sungkitka asi mata” bermaksud mentah atau belum dimasak yang merujuk kepada gadis tersebut ingin menghidangkan nasi mentah kepada tetamu yang datang berkunjung. Begitu juga penggunaan perkataan ‘mata’ dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Dalam puisi *ramban* ini, istilah ‘mata’ mempunyai dua tafsiran yang berbeza, iaitu yang pertama biji mata atau alat untuk melihat dan kedua membawa makna masih mentah atau belum dimasak. Namun dalam puisi ini ‘mata’ merujuk kepada benda yang masih hidup atau masih bernyawa.

Jadual 17

Elemen Gaya Bahasa Denotasi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
<i>Ramban Indu Dara Asa Enahka makai, endai sungkitka Ngapa asi mata, Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ngajih ke dek diempa jagu, Ringat Lalu Enda Ditanya dipakai baya mata' Ambai Iya</i>	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah, Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,

Dapatan ini membuktikan prinsip analisis sinkronik penting dalam mengenal pasti maksud setiap perkataan. Ferdinand de Saussure (1983) menegaskan bahawa sastera sama seperti halnya dengan *langue*, iaitu haruslah ditanggapi sebagai satu keseluruhan yang wujud pada saat tertentu. Hal ini demikian kerana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubungan antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Elemen Bait dalam Puisi Ramban

Kesemua sepuluh buah puisi *ramban* dibentuk dengan elemen prolog, isi, epilog, paralelisme, ayat dan perkataan yang menunjukkan penyair teliti untuk menghasilkan karya sastera yang memenuhi elemen kesusasteraan. Selain itu, kesemua puisi *ramban* menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Tambahan itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 18

Analisis Elemen Bait dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Elemen Bait dalam Puisi Ramban
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Terdiri daripada bahagian prolog, isi, epilog - Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 11 baris ayat - Mempunyai 3 – 10 perkataan
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tangan Sekula</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Terdiri daripada bahagian prolog, isi, epilog - Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 32 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 11 perkataan

<i>Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai</i>	- Terdiri daripada bahagian prolog, isi, epilog - Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 11 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 11 perkataan
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	- Terdiri daripada bahagian prolog, isi, epilog - Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 18 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 11 perkataan
<i>Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	- Terdiri daripada isi, epilog - Terdiri daripada 14 baris ayat - Terdiri daripada 5 – 10 perkataan - Terdiri daripada prolog, isi, epilog
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	- Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 18 baris ayat - Terdiri daripada 4 – 8 perkataan - Terdiri daripada prolog, isi, epilog
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	- Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 7 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 7 perkataan - Terdiri daripada prolog, isi, epilog
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	- Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 26 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 9 perkataan - Terdiri daripada prolog, isi, epilog
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	- Terdiri daripada 20 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 6 perkataan - Terdiri daripada prolog, isi, epilog
<i>Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta</i>	- Mempunyai elemen paralelisme - Terdiri daripada 18 baris ayat - Terdiri daripada 3 – 8 perkataan

Jadual 18 menunjukkan analisis elemen bait dalam puisi *ramban*. Terdapat sembilan buah puisi *ramban* yang dibentuk dengan elemen prolog, isi, epilog, ayat dan perkataan manakala sebuah puisi *ramban* tidak menekankan elemen prolog, iaitu puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang*. Selain itu, terdapat lapan buah puisi *ramban* menekankan elemen paralelisme dan dua buah puisi *ramban* tidak mempunyai elemen paralelisme, iaitu puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* dan puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. Dapatan ini membuktikan kesemua sepuluh buah puisi *ramban* menekankan prinsip keseluruhan, perkaitan, regulasi diri dan analisis sinkronik yang menunjukkan penyair menitikberatkan karya sastera yang memenuhi elemen kesusasteraan.

Elemen Prosodi dalam Puisi Ramban

Dapatan kajian menunjukkan kesemua sepuluh buah puisi *ramban* mempunyai elemen jeda dan rima untuk mewujudkan rentak pada puisi yang membawa keindahan alunan puisi *ramban* ini. Selain itu, terdapat juga elemen disfemisme, eufemisme dan emotif yang diselitkan dalam puisi *ramban* untuk memberi impak kepada pendengar untuk menilai dan memahami apa yang disampaikan oleh penyair. Oleh itu, elemen prosodi yang terdapat dalam puisi *ramban* menekankan prinsip keseluruhan untuk menghasilkan sebuah puisi *ramban* yang mempunyai suatu sistem atau struktur yang tersendiri. Selain itu, prinsip perkaitan dan regulasi diri dari aspek rima dan jeda yang wujud dalam setiap bait puisi *ramban* jelas menunjukkan sebuah karya yang unggul kerana mementingkan aturan-aturan

kesusasteraan dan penyair peka terhadap perhubungan elemen dalam sesebuah karya. Analisis sinkronik turut diterapkan dalam puisi *ramban* bagi menghasilkan bait kata yang dapat memberi impak kepada pendengar untuk menilai dan memahami apa yang ingin disampaikan oleh penyair.

Jadual 19

Analisis Elemen Prosodi dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Elemen Bait dalam Puisi Ramban
<i>Ramban Nanyaka Pejalai</i>	Rima – ‘a’, ‘i’, ‘g’ Jeda – tanda (,), (/)
<i>Ramban Ngajar Indu Ti Tangan Sekula</i>	Rima - ‘a’, ‘h’, ‘t’, ‘m’, ‘n’, ‘k’, ‘i’ Jeda – tanda (,), (/) Eufemisme, emotif
<i>Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai</i>	Rima - ‘h’, ‘g’, ‘i’, ‘a’, ‘u’ Jeda – tanda (,), (/) Disfemisme
<i>Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa</i>	Rima – ‘i’, ‘e’, ‘u’, ‘m’ Jeda – tanda (,), (/)
<i>Ramban Lelaki Nimbai Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang</i>	Rima - ‘g’, ‘h’, ‘i’, ‘u’ Jeda – tanda (,), (/)
<i>Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya</i>	Rima - ‘a’, ‘i’, ‘n’, ‘u’ Jeda – tanda (,), (/) Disfemisme
<i>Ramban Mejah Pisin Lelaki</i>	Rima – ‘a’, ‘i’ Jeda – tanda (,), (/) Disfemisme
<i>Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa</i>	Rima - ‘a’, ‘i’, ‘u’ Jeda – tanda (,), (/), (!), (?) Disfemisme
<i>Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki</i>	Rima - ‘a’, ‘i’, ‘n’, ‘u’, ‘k’ Jeda – tanda (,), (/) Emotif
<i>Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta</i>	Rima - ‘a’, ‘p’, ‘t’, ‘i’ Jeda – tanda (,), (/) Emotif

Jadual 19 menunjukkan analisis elemen prosodi dalam puisi *ramban*. Dapatan kajian menunjukkan lapan buah puisi *ramban* menekankan elemen rima dan jeda. Selain itu, elemen disfemisme diselitkan oleh penyair dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*, *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*, *Ramban Mejah Pisin Lelaki* dan *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Seterusnya, elemen emotif yang diselitkan oleh penyair bagi memberi ungkapan yang menunjukkan luahan emosi atau perasaan kepada pendengar. Oleh itu, elemen prosodi yang terdapat dalam kesemua puisi *ramban* menekankan prinsip keseluruhan, perkaitan, regulasi diri, analisis sinkronik dan ini menunjukkan penyair sentiasa menitikberatkan puisi *ramban* mempunyai suatu sistem atau struktur yang mementingkan aturan kesusasteraan.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa sepuluh buah puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald merupakan sebuah karya yang mempunyai keunikan dan nilai tersendiri. Puisi *ramban* yang dinyanyikan oleh penyair memiliki struktur gaya bahasa mempunyai ciri-ciri sebuah karya sastera yang estetik, unik dan menggambarkan identiti masyarakat Iban. Tambahan itu, puisi *ramban* mengandungi unsur bait dan prosodi yang menjelaskan bagaimana setiap ungkapan atau kata-kata dipilih serta digabungkan untuk menghasilkan sebuah karya yang estetik. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh akan menambahkan lagi korpus sastera masyarakat Iban. Korpus sastera yang dahulu kurang didokumentasikan kini semakin mendapat perhatian orang ramai sama ada dalam negara mahupun luar negara. Ini memberi impak yang positif kepada masyarakat Iban, iaitu generasi muda boleh mempelajari ilmu pengetahuan tentang cara menyampaikan puisi ramban di samping mengenali dengan lebih mendalam tentang struktur lapisan yang membentuk puisi ramban. Keunikan puisi ramban masyarakat Iban mampu menarik perhatian masyarakat luarsekali gus menjadi medium untuk mempromosikan tradisi lisan ke seluruh dunia.

Rujukan

- Abang Sallehuddin Abg. Shokeran & Hashim Ismail. (2017). *Tukang ensera: Seni tradisi berdepan cabaran modenisasi. Jurnal Pengajian Melayu*, 28(1), 2017: 1-20.
- Bruggeman, G. (1985). *English-Iban vocabulary*. Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Chemaline Osup. (2006). *Leka Main: Puisi Rakyat Iban-satu analisis tentang bentuk dan fungsi*. [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- de Saussure, F. (1983). *Structuralism in literary theory and criticism. The Free Encyclopedia*. <https://www.theprofessors.net/structuralism.pdf>.
- Jimmy Donald. (2020). *Pengarap asal sampi Enggau Biau Iban*. Permata Kukuh Sdn. Bhd.
- Jimmy Donald. (1993). *Leka Main Asal Iban*. Borneo Media Solutions.
- Keraf. (2006). *Diksi dan gaya bahasa*. Penerbit Gramedia.
- Laura Seman. (2020). *Imej arketaip dalam Puisi Sabak. Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 88-97.
- Ngabong Katoi. (2021). *Bentuk puisi tradisional Iban Timang Jalung*. [Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nelson Tandang. (2017). *Struktur dan pragmatik dalam Puisi Pelandai Bulan*. [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patricia Ganing & Asmiaty Amat. (2021). *Entelah leka main masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saripah Banseng & Rosline Sandai. (2017). *Unsur bahasa kiasan metafora dalam Sampi Iban. Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, 8, 116-121.
- Yanti Benson, Rosline Sandai, Rohayati Junaidi & Saripah Banseng. (2023). *Seni bahasa dalam Leka Pelian berdasarkan perspektif Teori Metafora Konseptual, Jurnal Pengajian Melayu*, 34(1), 91-106. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol34no1.5>